



**IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI MELAKA
JALAN TUN HAMZAH, BUKIT KATIL,
75450 HANG TUAH JAYA,
MELAKA**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

No Sebutharga : **JBPM/MK/03/2025**

TAWARAN SEBUTHARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN SECARA SEBUTHARGA BAGI SATU (1) UNIT PACUAN 4 RODA / MITSUBISHI PAJERO JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI MELAKA

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

Bil	Keterangan Aset	No Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1	PACUAN 4 RODA / MITSUBISHI PAJERO Tarikh Perolehan : 21/11/2002	WKJ 4730	1	1,739.52

2. Aset boleh dilihat pada **24 November 2025 (Isnin) hingga 27 November 2025 (Khamis)** di antara jam **9.00 pagi hingga 4.00 petang** di lokasi berikut:

**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
Bahagian Kejuruteraan Jentera
Jalan Padang Temu
Kampung Tambak Sebelong
75050 Melaka**

Pegawai yang boleh dihubungi :

- **Encik Nazir bin Muhd Nor (06-2513100 samb 525)**

3. Tawaran Sebut Harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW.PA 28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No Sebutharga : **JBPM/MK/03/2025** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :

**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
Cawangan Pentadbiran dan Aset
Jalan Tun Hamzah, Bukit Katil
75450 Hang Tuah Jaya
Melaka**

5. Tarikh tutup Sebut Harga pada **2 Disember 2025 (Selasa) jam 12.00 tengahari**.
Sebut Harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(PPjB MOHD ZAIDI BIN HJ. MA'AT)

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Negeri Melaka

Tarikh : 20 November 2025

Cap :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Penyebut harga perlu mengemukakan salinan kad pengenalan bagi individu atau salinan Pendaftaran Syarikat (SSM) yang masih berkuatkuasa bagi syarikat.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.